

# ERYMYCIN DRY SYRUP 200

Erythromycin Ethylsuccinate (200 mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Erymycin Dry Syrup
2. Bagaimana Erymycin Dry Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Erymycin Dry Syrup
4. Cara menggunakan Erymycin Dry Syrup
5. Semasa menggunakan Erymycin Dry Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Erymycin Dry Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Erymycin Dry Syrup

Erymycin Dry Syrup digunakan untuk merawat:

- Jangkitan saluran pernafasan.
- Jangkitan telinga dan mata.
- Jangkitan gastrousus.
- Jangkitan kulit dan tisu lembut.
- *Gonorrhoea* atau *syphilis* (jangkitan kelamin).
- Batuk kokol.

## Bagaimana Erymycin Dry Syrup berfungsi

Erythromycin adalah antibiotik macrolide. Ia berfungsi dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan.

## Sebelum menggunakan Erymycin Dry Syrup

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Erymycin Dry Syrup jika:

- Anda mempunyai alahan terhadap Erythromycin atau mana-mana bahan lain yang terkandung di dalam ubat ini (tersenarai di Maklumat lanjut)
- Porphyria (gangguan yang menjejaskan kulit atau sistem saraf).

### - Sebelum mula menggunakan

*Mengandung dan menyusukan anak*

Erythromycin boleh dirembeskan ke dalam susu ibu.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sekiranya anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung

atau sedang menyusukan anak sebelum mengambil sebarang ubat.

Beritahu doktor anda jika:

- Fungsi hati anda terjejas
- Anda mempunyai kegagalan buah pinggang.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan:

- Theophylline (merawat penyakit paru-paru),
- Carbamazepine (merawat sawan dan sakit saraf),
- Warfarin (ubat cair darah),
- Cyclosporine (mencegah penolakan organ dalam pemindahan organ),
- Ergotamine (merawat migrain);

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, parasarya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Erymycin Dry Syrup

### - Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Bagi kanak-kanak, dosnya adalah bergantung kepada usia, berat badan dan keadaan jangkitan mereka.

Untuk jangkitan ringan hingga sederhana teruk di kalangan orang dewasa, dos yang biasa adalah 400 mg (10 ml) empat kali sehari atau 800 mg (20 ml) dua kali sehari. Untuk jangkitan yang lebih teruk, 2 hingga 4 gram boleh diberikan setiap hari dalam dos yang dibahagikan.

Cara untuk mencampurkan:

Goncang untuk meleraikan serbuk.

Tambahkan sekurang-kurangnya 30 ml air dididih yang telah sejuk serta goncang sehingga sebatu.

Tambahkan lagi air sehingga paras 60 ml dan goncang.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Gunakan Erymycin Dry Syrup mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan gangguan gastrousus, seperti kekejangan abdomen dan ketidakselesaan, loya, muntah, cirit-birit dan reaksi alahan yang ringan, seperti gatal-gatal dan ruam kulit.

## Semasa menggunakan Erymycin Dry Syrup

### - Perkara yang perlu dilakukan

Gunakan Erymycin Dry Syrup hanya dengan preskripsi doktor.

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Erymycin Dry Syrup.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

# ERYMYCIN DRY SYRUP 200

Erythromycin Ethylsuccinate (200 mg/5ml)

- Perkara yang tidak boleh dilakukan  
Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Erymycin Dry Syrup dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian  
Jangkitan lain mungkin berlaku apabila ubat digunakan berulang kali atau untuk jangkamasa yang panjang. Dapatkan nasihat doktor sekiranya keadaan anda tidak bertambah baik atau bertambah teruk.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Erymycin Dry Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati mana-mana yang berikut dan ia membimbangkan anda:

- Gangguan gastrousus, seperti kekejangan perut dan rasa tidak selesa.
- Loya, muntah dan cirit-birit.
- Reaksi alergi yang ringan, seperti gatal-gatal dan ruam kulit.
- Reaksi alahan yang serius, termasuk anafilaksis (bengkak muka, bibir, lidah atau bahagian badan yang lain; sesak nafas, semput, masalah pernafasan).
- Hilang pendengaran.

Jika anda perasan kanak-kanak muntah dan/atau mengalami kesukaran menyusu, hubungi doktor dengan serta-merta kerana ia mungkin disebabkan oleh *Infantile Hypertrophic Pyloric Stenosis (IHPS)*.

Erymycin Dry Syrup mungkin menyebabkan alergi yang teruk dan reaksi kulit yang serius.

Berhenti mengambil Erymycin Dry Syrup dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami salah satu daripada simptom yang berikut:

- Kulit kemerahan, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) (*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Erymycin Dry Syrup

### - Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak  
Simpan di tempat yang kering di bawah suhu 30°C  
Lindungi daripada cahaya  
Pastikan bekas ditutup rapat  
Gunakan dalam masa 7 hari setelah dicampur air.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Serbuk putih yang menjadi ampaiian oren apabila ditambah air, dengan perisa oren.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Erythromycin Ethylsuccinate

- Bahan tidak aktif  
Sugar, Rhodigel (Xanthan Gum), Dibasic Sodium Phosphate, Aerosil 200, Sodium Benzoate, Sodium Saccharin, Sodium Lauryl Sulphate, Orange Flavour, Sunset Yellow, Simethicone.

- Nombor MAL  
MAL19972482AZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.  
2497, Mk 1,  
Lorong Perusahaan Baru 5,  
Kawasan Perusahaan Perai 3,

13600 Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
05/10/2022

**Nombor Siri:**  
NPRA(R4/1)04102022/00082